

**NO. SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 16MAC 2016**

**RUJUKAN : 8593**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang telah diambil berkenaan laporan polis no: SG RENGIT/001036/14 bertarikh 4.11.2014 dan kenapa tiada tindakan diambil sehingga kini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis telah menjalankan siasatan berkaitan kes kematian semasa dalam tahanan polis berkait dengan Sg Rengit repot 1036/14.**

**Dalam kejadian tersebut, si mati telah dibawa ke Klinik Bandar Penawar kerana mengadu sesak nafas dan telah dimasukkan ke wad kecemasan. Doktor yang merawat memaklumkan Orang Kena Tahan (OKT) telah meninggal dunia. "*Post Mortem*" telah dijalankan di Hospital Sultan Ismail Johor dan mengesahkan punca kematian adalah "*Blunt Force Trauma To The Chest*".**

**Kertas siasatan telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk ulasan dan arahan selanjutnya dan telah dikembalikan semula kepada pihak polis untuk melengkapkan siasatan. Kertas siasatan akan dikembalikan semula dalam tempoh yang terdekat ini.**